



ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SME'S
(AIJBES)
www.aijbess.com



KEBERKESANAN SKIM AGIHAN EKONOMI ASNAF DI PERLIS: ANALISIS PENGGUNAAN BANTUAN, CABARAN, DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

EFFECTIVENESS OF THE ASNAF ECONOMIC EMPOWERMENT DISTRIBUTION SCHEME IN PERLIS: ANALYSIS OF FUND UTILIZATION, CHALLENGES, AND IMPROVEMENTS

Ummi Naiemah Saraih^{1,2*}, Sharmini Abdullah¹, Bibi Noraini Mohd. Yusuf¹, Aiza Jasmi¹

¹ Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

Email: ummi@unimap.edu.my, sharmini@unimap.edu.my, bibinoraini@unimap.edu.my, aiza@unimap.edu.my

² Center of Excellence for Social Innovation & Sustainability, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

Email: ummi@unimap.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 12.08.2025

Published date: 01.09.2025

To cite this document:

Saraih, U. N., Abdullah, S., Yusuff, B. N. M. & Jasmi, A. (2025). Keberkesanan Skim Agihan Ekonomi Asnaf Di Perlis: Analisis Penggunaan Bantuan, Cabaran, Dan Cadangan Penambahbaikan. *Advanced International Journal of Business Entrepreneurship and SMEs*, 7 (25), 01-12

DOI: 10.35631/AJBES.725001

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf di Perlis terhadap penerima bantuan dari segi penggunaan bantuan, jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan, kepuasan terhadap jumlah dan prosedur bantuan, serta cabaran yang dihadapi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan, melibatkan 120 responden yang menerima bantuan melalui program tersebut. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang dibangunkan untuk mengukur aspek-aspek tersebut, dan dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan bantuan untuk memperkukuh perniagaan sedia ada, dengan sektor pertanian dan perikanan menjadi pilihan utama. Walaupun bantuan yang diterima kebanyakannya dianggap mencukupi, beberapa cabaran seperti kekurangan modal, persaingan dalam pasaran, dan kelewatan dalam proses permohonan masih wujud. Sebahagian besar responden mencadangkan penambahbaikan, terutamanya dari segi pemantauan berterusan dan penambahan jumlah bantuan. Secara keseluruhannya, program ini telah memberi pandangan positif terhadap ekonomi golongan asnaf, namun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan agar keberkesanannya dapat ditingkatkan.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)**Kata Kunci:**

Analisis Deskriptif, Bantuan Kewangan, Cabaran, Penambahbaikan, Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf

Abstract:

This study aims to evaluate the effectiveness of the Economic Empowerment Distribution Scheme for Asnaf in Perlis by analyzing how the recipients utilize the financial aid, the types of economic activities undertaken, their satisfaction with the amount and procedure of aid distribution, as well as the challenges faced and improvement suggestions. Employing a quantitative survey design, data were collected from 120 respondents who received assistance through the program. The data were analyzed using descriptive statistics. The findings indicate that most recipients used the assistance to strengthen their existing businesses, particularly in agriculture and fisheries sectors. While the financial aid was generally perceived as adequate, several challenges persisted, such as limited capital, market competition, and delays in application procedures. A majority of recipients proposed improvements, especially in continuous monitoring and increased funding. Overall, the program had a positive impact on the economic well-being of the asnaf group, although enhancements are needed to further increase its effectiveness.

Keywords:

Descriptive Analysis, Financial Aid, Challenges, Improvements, Asnaf Economic Empowerment Distribution Scheme

Pengenalan

Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf di Perlis telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif yang perlu disokong oleh kesedaran masyarakat terhadap peranan zakat dalam pengurangan kemiskinan (Hasibuan et al., 2024). Skim ini memperkasa ekonomi golongan asnaf melalui pemberian bantuan kewangan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Program ini memberi fokus kepada pemberian modal dan kemudahan asas bagi membantu golongan asnaf memulakan atau memantapkan aktiviti ekonomi mereka, terutamanya dalam sektor keusahawanan. Walaupun bantuan kewangan telah disalurkan kepada golongan sasaran, keberkesanan program ini bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk jumlah bantuan, jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan, serta cabaran yang dihadapi oleh penerima bantuan dalam merealisasikan objektif program. Namun, terdapat kekurangan kajian yang menilai bagaimana bantuan ini digunakan walaupun pelbagai isu zakat telah dibincangkan dalam literatur terdahulu (Johari et al., 2014). Kajian ini mengisi jurang tersebut dengan memberi fokus kepada dimensi pelaksanaan program dari sudut pandang penerima bantuan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan Skim Agihan Ekonomi Asnaf di Perlis dari segi penggunaan bantuan, jenis kegiatan ekonomi, tahap kepuasan penerima terhadap agihan, serta cabaran dan cadangan penambahbaikan berdasarkan perspektif penerima.

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Menilai penggunaan bantuan zakat dalam kalangan penerima Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf.
- Mengenal pasti jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penerima bantuan.
- Menilai tahap kepuasan penerima terhadap jumlah dan prosedur bantuan.
- Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh penerima bantuan dan cadangan penambahbaikan.

Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas mengenai keberkesanan program ini dan memberikan cadangan untuk penambahbaikan bagi memastikan ia memberi impak yang lebih besar kepada penerima bantuan di masa hadapan.

Sorotan Literatur

Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf di Malaysia bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan dalam kalangan golongan asnaf dengan memberi sokongan kewangan serta peluang untuk memulakan dan memperkukuh perniagaan. Sebagai salah satu inisiatif zakat, program ini bukan sahaja memberi bantuan kewangan tetapi juga menyediakan sumber daya untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan asnaf, termasuk latihan keusahawanan dan sokongan teknikal. Keberkesanan program-program ini sering diukur dengan peningkatan pendapatan dan penglibatan golongan sasaran dalam aktiviti ekonomi yang memberi impak berterusan kepada kehidupan mereka.

Kajian oleh Ayoup et al. (2023) mengenai impak bantuan zakat kepada usahawan asnaf di Negeri Kedah menunjukkan bahawa program peningkatan ekonomi memberikan pulangan sosial yang positif. Setiap RM1 yang dilaburkan dalam bantuan perniagaan mampu memberi pulangan RM3.22 kepada ekonomi setempat, mencerminkan keberkesanan program dalam memperkasa asnaf melalui penglibatan aktif dalam perniagaan (Ayoup et al., 2023). Program ini membuktikan bahawa bantuan kewangan yang disalurkan, apabila diuruskan dengan baik, dapat memberikan kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan golongan asnaf.

Dalam kajian lain, Ismail et al. (2021) menegaskan bahawa pemerkasaan golongan asnaf melalui dana zakat bukan sahaja memerlukan bantuan kewangan tetapi juga sokongan dalam bentuk latihan keusahawanan dan pengurusan. Dengan menyediakan latihan kemahiran dan membina keupayaan usahawan asnaf, golongan ini bukan sahaja dapat mengembangkan perniagaan mereka tetapi juga berupaya meningkatkan pendapatan mereka secara mampan. Menurut kajian tersebut, program seperti ini dapat mengubah kehidupan asnaf, dengan meningkatkan peluang mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya dalam jangka panjang. Ini menunjukkan impak positif terhadap perkembangan perusahaan mikro asnaf (Din et al., 2019).

Namun begitu, kajian oleh Abang Bai et al. (2020) menunjukkan beberapa cabaran dalam pelaksanaan program peningkatan ekonomi asnaf. Salah satu isu utama adalah kekurangan modal yang diterima oleh penerima bantuan, yang menyebabkan mereka tidak dapat memanfaatkan bantuan sepenuhnya. Ini terutamanya berlaku dalam sektor pertanian dan perikanan, yang memerlukan kos permulaan yang lebih tinggi. Tanpa bantuan yang mencukupi, ramai usahawan asnaf tidak dapat membeli peralatan atau bahan mentah yang diperlukan, sekali gus menghalang mereka daripada memperkembangkan perniagaan mereka.

Justeru, kelemahan institusi zakat dalam menyelaraskan bantuan pasti akan menambah kerumitan (Bakru Rozi et al., 2025). Selain itu, kesukaran dalam mendapatkan pelanggan tetap juga menjadi cabaran besar, kerana banyak perniagaan asnaf yang bergantung kepada pelanggan setempat tanpa sokongan pemasaran yang mencukupi.

Di samping itu, hasil kajian Meerangani dan Zaham Azman (2019) mendapati bahawa Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah berjaya melahirkan kelompok usahawan daripada golongan asnaf ini melalui program ekonomi yang dijalankan. Hal ini berjaya mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik serta dapat mengurangkan bilangan asnaf di Selangor umumnya serta di daerah Kuala Selangor khususnya. Secara tidak langsung, bilangan pengeluar zakat di Selangor juga dapat ditingkatkan supaya dapat membantu golongan asnaf yang lain yang dalam kesusahan di samping menjadi model atau contoh kepada asnaf yang lain.

Sebagai tambahan, Mohd Hardi et al. (2022) menegaskan bahawa pemantauan secara berterusan perlu dibuat bagi memastikan program ekonomi yang dilaksanakan berjaya meningkatkan pendapatan keluarga asnaf dan seterusnya dapat memenuhi hasrat kerajaan membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2025. Kajian oleh Mohd Hardi et al. (2022) mendapati faktor utama golongan asnaf di Kedah menyertai program ini adalah untuk mendapat tambahan modal kepada perniagaan sedia ada, kewangan tidak stabil dan ingin mengubah nasib mereka melalui bidang perniagaan. Walaupun banyak program memberi bantuan kewangan sekali sahaja, hasil yang lebih mampan dapat dicapai dengan sokongan susulan yang berterusan, seperti lawatan susulan dan sesi bimbingan bagi membantu asnaf dalam menguruskan perniagaan mereka dengan lebih baik. Dalam konteks ini, pemantauan yang baik bukan sahaja memastikan penggunaan bantuan yang betul tetapi juga menyediakan ruang untuk menilai kemajuan dan memperkenalkan penambahbaikan yang perlu.

Secara keseluruhan, literatur menunjukkan bahawa program peningkatan ekonomi asnaf, terutamanya yang dibiayai oleh zakat, boleh memberikan impak yang besar terhadap ekonomi golongan asnaf. Namun, kejayaan program ini bergantung pada pelaksanaan yang efisien, penyelarasan bantuan yang tepat pada masanya, serta sokongan yang berterusan untuk memastikan perniagaan yang dijalankan dapat bertahan lama dibantu oleh tadbir urus institusi zakat yang sistematik (Wahab & Rahman, 2011). Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan program ini, adalah penting untuk menilai semula struktur bantuan dan memastikan keberkesanannya dalam jangka panjang.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan untuk menilai impak Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf di Perlis. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan bantuan, jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan, tahap kepuasan penerima bantuan, serta cabaran dan cadangan penambahbaikan berdasarkan respons daripada penerima bantuan.

Populasi dan Sampel

Populasi sasaran dalam kajian ini adalah penerima bantuan daripada Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perlis (MAIPs). Kajian ini memilih sampel yang terdiri daripada 120 responden yang telah

menerima bantuan melalui program ini. Sampel ini dipilih secara rawak daripada senarai penerima bantuan yang telah disahkan oleh pihak MAIPs.

Jumlah 120 responden dipilih kerana ia mencukupi untuk memberi gambaran yang representatif mengenai populasi penerima bantuan. Walaupun saiz sampel ini mungkin dilihat kecil dalam konteks kajian yang lebih besar, ia masih dianggap mencukupi untuk mencapai objektif kajian ini.

Justifikasi untuk memilih 120 responden adalah berdasarkan beberapa faktor:

- **Keperluan Sumber dan Masa:** Mengingatkan had masa dan sumber yang ada, kajian ini dijalankan dalam skala yang lebih kecil namun tetap relevan untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai impak program.
- **Kepelbagaian Aktiviti Ekonomi:** Walaupun saiz sampel adalah terhad, ia masih memberi representasi yang baik mengenai golongan sasaran yang menjalankan pelbagai jenis aktiviti ekonomi seperti pertanian, perikanan, dan perniagaan kecil.

Kajian kuantitatif ini memfokuskan kepada pengumpulan data melalui soal selidik dan analisis statistik. Dengan saiz sampel sebanyak 120 responden, ia mencukupi untuk memberikan keputusan yang signifikan secara statistik. Tambahan pula, pemilihan responden disaring melalui rekod MAIPs, yang memberikan akses yang lebih mudah dan teratur kepada data yang tepat dan relevan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama untuk mengumpul data. Soal selidik ini direka khusus untuk menilai tiga aspek utama: penggunaan bantuan untuk kegiatan ekonomi, kepuasan terhadap jumlah dan prosedur bantuan, serta cabaran yang dihadapi oleh penerima bantuan dalam merealisasikan objektif program. Soal selidik ini terdiri daripada beberapa bahagian:

- Bahagian A: Maklumat demografi responden (jantina dan umur)
- Bahagian B: Penggunaan bantuan (jenis bantuan dan cara penggunaannya).
- Bahagian C: Kepuasan terhadap jumlah dan prosedur bantuan yang diterima.
- Bahagian D: Cabaran dan cadangan penambahbaikan program.

Soal selidik ini dibangunkan berdasarkan objektif kajian dan menggunakan skala Likert untuk mengukur tahap persetujuan responden terhadap pelbagai kenyataan mengenai bantuan yang diterima. Skala ini membolehkan data yang dikumpulkan dianalisis dengan cara yang terstruktur dan objektif.

Prosedur Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui pengedaran soal selidik secara dalam talian dan secara manual di kawasan-kawasan yang melibatkan penerima bantuan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf. Proses ini dijalankan dengan mendapatkan kebenaran daripada pihak MAIPs untuk memastikan pengedaran soal selidik dilakukan dengan sistematik dan dapat mencapai responden yang relevan.

Justifikasi Saiz Sampel

Walaupun saiz sampel sebanyak 120 responden mungkin kelihatan kecil, ia adalah jumlah yang mencukupi untuk mencapai objektif kajian yang spesifik dan fokus kepada penerima bantuan dalam satu kawasan geografi tertentu (Perlis). Menurut Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel yang lebih kecil seperti 120 responden adalah mencukupi untuk kajian yang tidak memerlukan generalisasi ke seluruh negara, terutamanya apabila kajian ini dijalankan di peringkat daerah atau negeri. Di samping itu, kajian ini tidak bertujuan untuk membuat inferens ke seluruh populasi penerima bantuan di Malaysia, tetapi lebih fokus kepada memberikan gambaran yang jelas mengenai impak dan cabaran yang dihadapi oleh penerima bantuan di Perlis. Oleh itu, saiz sampel 120 responden dianggarkan mencukupi untuk memperoleh data yang relevan dan boleh dipercayai dalam konteks kajian ini.

Teknik Analisis Data

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk memberikan gambaran yang jelas tentang penggunaan bantuan, tahap kepuasan penerima bantuan, cabaran yang dihadapi, dan cadangan penambahbaikan. Peratusan dan frekuensi digunakan untuk menghitung dan menggambarkan taburan data, manakala min atau purata digunakan untuk mengukur tahap kepuasan responden terhadap jumlah dan prosedur bantuan yang diberikan. Teknik ini adalah sesuai kerana ia memberikan pemahaman yang mudah dan jelas mengenai pola data yang diperoleh tanpa memerlukan ujian statistik yang lebih kompleks.

Penggunaan Google Sheets atau Excel memudahkan pengiraan peratusan dan pembentangan data dalam bentuk graf atau carta, yang dapat memvisualisasikan hasil kajian dengan lebih mudah. Dengan menggunakan alat ini, data yang dikumpul melalui Google Forms dapat dianalisis dengan efisien, membolehkan analisis taburan jawapan dan penyusunan data yang lebih teratur. Selain itu, analisis ini membolehkan penyelidik menginterpretasikan hasil dengan cepat dan tepat untuk memberi cadangan penambahbaikan kepada pihak yang berkenaan (Semczuk, 2020, Rebman et al. 2023).

Saiz sampel sebanyak 120 responden adalah mencukupi untuk kajian deskriptif ini, memandangkan ia memberi representasi yang baik terhadap penerima bantuan di Perlis. Saiz ini membolehkan penyelidik memperoleh gambaran umum mengenai penerima bantuan tanpa perlu menggunakan teknik statistik yang lebih kompleks. Dengan saiz sampel yang lebih kecil, penyelidik dapat memberikan fokus yang lebih mendalam kepada pemahaman pola penggunaan bantuan dan kepuasan responden, yang cukup untuk mencapai objektif kajian ini.

Dapatan Kajian

Bab ini membentangkan hasil kajian ke atas 120 responden yang menerima bantuan daripada Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf di Perlis. Dapatan dianalisis mengikut objektif kajian yang merangkumi aspek penggunaan bantuan, jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan, tahap kepuasan terhadap bantuan dan prosedur agihan, serta cabaran dan cadangan penambahbaikan program.

Latar Belakang Responden

Sebanyak 88.3% responden terdiri daripada lelaki, manakala 11.7% adalah perempuan. Dari segi umur, majoriti responden berada dalam lingkungan 36 hingga 45 tahun (36.7%), diikuti oleh kumpulan umur 26–35 tahun (25.8%) dan 46–55 tahun (24.2%). Hanya 13.3% berada


dalam lingkungan umur 18–25 tahun. Komposisi ini menunjukkan bahawa program ini menyasarkan kumpulan dewasa yang berpotensi menjayakan aktiviti keusahawanan.

Penggunaan Bantuan dan Jenis Aktiviti Ekonomi

Dapatan menunjukkan bahawa 50% responden menggunakan bantuan untuk memperkukuh perniagaan sedia ada, manakala 25% menggunakannya untuk memulakan perniagaan baharu. Bantuan kebanyakannya digunakan bagi pembelian peralatan dalam sektor pertanian (24.2%), penternakan (10%), dan perikanan (9.2%). Terdapat juga penggunaan dalam sektor bengkel (1.7%) dan jahitan (1.7%).

Untuk tujuan apakah Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf ini telah dibelanjakan?

120 responses




Rajah 1: Penggunaan Bantuan dan Jenis Aktiviti Ekonomi

Dari segi jenis kegiatan ekonomi, perniagaan restoran mencatatkan bilangan tertinggi (27.5%), diikuti pertanian (25%), perniagaan runcit (22.5%), perikanan (11.7%), bengkel (8.3%) dan penternakan (6.7%). Terdapat juga penglibatan kecil dalam aktiviti menjahit, perniagaan makanan ringan dan perkhidmatan asas seperti potong rumput. Ini menunjukkan penerima bantuan terlibat dalam pelbagai jenis aktiviti ekonomi yang sesuai dengan peluang dan keperluan setempat.

Apakah jenis kegiatan ekonomi (pertanian/perikanan/perniagaan) yang dijalankan setelah menerima bantuan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf MAIPs?

120 responses



Rajah 2: Jenis Kegiatan Ekonomi yang Dijalankan oleh Penerima Bantuan

Tahap Kepuasan Terhadap Bantuan dan Prosedur

Seramai 69.2% responden menyatakan bahawa jumlah bantuan yang diterima adalah mencukupi, manakala 30.8% berpendapat sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa walaupun sebahagian besar penerima berpuas hati, masih terdapat keperluan untuk menyemak semula kadar bantuan agar lebih sejajar dengan keperluan sektor perniagaan tertentu.

Sementara itu, 83.3% responden menyatakan kepuasan terhadap prosedur agihan bantuan yang dilaksanakan oleh pihak MAIPs. Namun, 16.7% menyatakan rasa tidak puas hati atas sebab-sebab seperti kelewatan proses kelulusan, birokrasi, dan komunikasi yang lemah. Antara faktor yang dikenalpasti termasuk keperluan pengesahan oleh pihak ketiga seperti ketua kampung dan lambatnya maklum balas daripada pihak berkuasa zakat.

Secara keseluruhan, penerima menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap jumlah bantuan, walaupun terdapat sebahagian kecil yang mencadangkan penambahbaikan berdasarkan keperluan industri. Cadangan-cadangan ini akan dibincangkan secara lebih terperinci dalam bahagian yang seterusnya.

Cabaran Dalam Merealisasikan Bantuan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 61.7% responden menyatakan mereka menghadapi cabaran utama dalam bentuk kekurangan modal tambahan bagi menampung kos permulaan perniagaan. Selain itu, 48% responden turut menyatakan bahawa persaingan pasaran yang tinggi menjadi halangan utama, khususnya dalam kalangan usahawan kecil yang menghadapi tekanan daripada pemain pasaran yang lebih kukuh.

Sebanyak 42.5% responden pula melaporkan kesukaran untuk mendapatkan pelanggan tetap, yang menyukarkan mereka mengekalkan pendapatan secara konsisten. Di samping itu, 38.3% responden berhadapan dengan isu teknikal seperti cuaca tidak menentu, serangan penyakit terhadap tanaman, dan kekurangan input pertanian yang berkualiti. Akhir sekali, 35% responden menyatakan bahawa mereka tidak menerima pemantauan atau bimbingan susulan selepas bantuan diberikan, yang menyukarkan mereka mendapatkan panduan lanjut dalam mengurus dan mengembangkan perniagaan secara mampan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun bantuan kewangan telah disalurkan, masih wujud pelbagai halangan struktur dan operasi yang memberi kesan kepada kejayaan program, dan ini memerlukan perhatian khusus daripada pihak pelaksana bagi penambahbaikan.

Jadual 1: Cabaran Utama yang Dihadapi oleh Penerima Bantuan Selepas Menerima Bantuan Zakat

Cabaran	Peratusan (%)	Bilangan Responden (N = 120)
Kekurangan modal permulaan	61.7%	74
Persaingan pasaran yang tinggi	48.0%	58
Kesukaran mendapatkan pelanggan tetap	42.5%	51
Isu teknikal (cuaca, penyakit tanaman, kekurangan input)	38.3%	46
Ketiadaan pemantauan atau bimbingan susulan	35.0%	42

Cadangan Penambahbaikan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 35.8% daripada keseluruhan responden telah mengemukakan pelbagai cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf. Antara cadangan paling dominan ialah keperluan untuk pemantauan dan bimbingan berterusan, seperti yang dinyatakan oleh 14 responden (23.3%). Mereka mencadangkan agar pihak bertanggungjawab menyediakan pengawasan dan bimbingan teknikal secara berkala bagi memastikan bantuan digunakan secara optimum serta memberi motivasi dan sokongan berterusan kepada penerima.

Cadangan kedua paling penting adalah berkaitan penambahan jumlah bantuan, yang diutarakan oleh 10 responden (16.7%). Mereka berpendapat bahawa nilai bantuan sedia ada masih belum mencukupi, terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam sektor yang memerlukan modal tinggi seperti pertanian dan bengkel. Ini menunjukkan keperluan untuk menyemak semula struktur kewangan bantuan agar lebih bersesuaian dengan realiti kos operasi sebenar.

Selain itu, **pengkhususan bantuan mengikut jenis industri** turut dicadangkan oleh 8 responden (13.3%), dengan menekankan kepentingan menyesuaikan bentuk dan jenis bantuan dengan keperluan spesifik industri seperti perikanan, penternakan atau peruncitan. Di samping itu, **mempercepatkan proses permohonan** turut menjadi perhatian, sebagaimana dicadangkan oleh 7 responden (11.7%) yang menyatakan bahawa kelewatan dalam kelulusan bantuan boleh menjejaskan kelancaran perancangan perniagaan mereka.

Akhir sekali, 3 responden (5%) menyarankan agar diberikan **latihan dan sokongan keusahawanan** sebagai sebahagian daripada pakej bantuan. Cadangan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengurusan perniagaan, serta membantu penerima menghadapi cabaran pasaran secara lebih berdaya saing.

Jadual 2: Cadangan Penambahbaikan Program oleh Responden untuk Meningkatkan Keberkesanan Pelaksanaan

Cadangan Penambahbaikan	Peratusan (%)	Bilangan Responden
Pemantauan & bimbingan berterusan	23.3%	14
Penambahan jumlah bantuan	16.7%	10
Pengkhususan bantuan ikut industri	13.3%	8
Mempercepatkan proses permohonan	11.7%	7
Latihan & sokongan keusahawanan	5.0%	3

Rumusan Dapatan

Secara keseluruhannya, Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf di Perlis berjaya menyediakan peluang ekonomi kepada golongan asnaf melalui pelbagai bentuk bantuan. Walaupun majoriti penerima menggunakan bantuan dengan baik dan berpuas hati terhadap proses agihan, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dari aspek pemantauan, kesesuaian bantuan dengan jenis perniagaan, serta peningkatan kadar bantuan. Keberkesanan program ini dapat ditingkatkan dengan pendekatan yang lebih bersasar dan sokongan pasca-agihan yang lebih sistematik seperti penambahbaikan teknologi yang relevan untuk agihan zakat merangkumi Kecerdasan Buatan, Pembelajaran Mesin, dan Teknologi Kewangan (Zulkifley & Aishah Muneeza, 2024). Selain itu, hasil kajian yang ditunjukkan oleh responden turut mencerminkan kesediaan mereka untuk terlibat secara aktif dalam penambahbaikan, sekaligus memperkukuh matlamat jangka panjang dalam membangunkan ekonomi asnaf.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf di Perlis telah memberikan impak yang signifikan terhadap peningkatan ekonomi golongan asnaf. Sebahagian besar responden memanfaatkan bantuan untuk memperkukuh perniagaan yang sedia ada dan memulakan perniagaan baharu. Program ini juga telah memberikan sokongan kepada pelbagai sektor, terutamanya dalam sektor pertanian, penternakan, dan perikanan.

Namun, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh penerima bantuan, termasuk kekangan kewangan, persaingan pasaran, dan kesukaran mendapatkan pelanggan tetap. Walaupun bantuan kewangan telah disalurkan, masih ada kelompok yang merasakan bantuan tersebut tidak mencukupi untuk menampung keperluan sebenar mereka. Oleh itu, adalah penting bagi pihak pengurusan untuk menilai semula struktur dan jumlah bantuan yang diberikan dengan dan melaksanakan tadbir urus yang lebih berkesan dalam agihan zakat (Mohamad & Muhamad Sori, 2023) agar ia dapat lebih memenuhi keperluan penerima.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti responden berpuas hati dengan prosedur yang dilaksanakan oleh pihak MAIPs, walaupun terdapat beberapa isu seperti kelewatan dalam proses permohonan dan kekurangan pemantauan selepas bantuan disalurkan. Penerima bantuan juga memberikan cadangan penambahbaikan, termasuk pemantauan berterusan, penambahan dana bantuan, serta mempercepatkan proses permohonan. Cadangan-cadangan ini mencerminkan keinginan penerima untuk memastikan bahawa bantuan yang diberikan benar-benar memberi kesan positif dan berterusan kepada perniagaan mereka.

Kajian lanjutan boleh dijalankan bagi menilai perubahan prestasi perniagaan seperti jumlah jualan atau pertambahan pelanggan, bagi melengkapi pemahaman terhadap impak sebenar program terhadap pembangunan ekonomi golongan asnaf. Di samping itu, kajian masa hadapan boleh menggunakan pendekatan longitudinal atau campuran (*mixed-method*) untuk menilai kesan jangka panjang dan mendalam terhadap kehidupan dan keusahawanan golongan asnaf. Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya memperkasa ekonomi golongan asnaf, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan agar ia dapat mencapai keberkesanan yang lebih tinggi dalam jangka panjang.

Penghargaan

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada *Faizuddin Center of Educational Excellence* (FCoEE), MAIPs atas sokongan yang telah diberikan untuk kajian ini.

Rujukan

- Abang Abai, D. S., Awang, M. D., Mohd Yusoff, A. N., Ab. Majid, A. and Hamli, H. (2020). Bentuk Bantuan Modal Agihan Zakat Asnaf dan Pencapaian Usahawan Asnaf di Malaysia: Kajian Empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93-99. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.353>
- Ayoub, H., Arifatul Husna, M., Jamaludin, N. A., Ismail, S., & Md Isa, M. S. (2023). Pulangan Sosial Atas Pelaburan: Kajian Impak Skim Agihan Zakat Bantuan Jayadiri Asnaf di Negeri Kedah. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 4(1), 39–56. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no1.125>
- Bakru Rozi, Y. H., Erizal, N., & Abd KHafidz, H. (2025). Governance Principles of Zakat and Baitulmal Institutions According to Al-Mawardi and Their Application in Malaysia. *Al-Hikmah*, 17(01), 89-111. <https://doi.org/10.17576/alhikmah.2025.1701/561>
- Din, N. M., Rosdi, M. S. M., Ismail, M., Muhammad, M. Z., & Mukhtar, D. (2019). Contributions of Asnaf Entrepreneurs in Zakat of Business: A Revisiting Based on Turning Over Model. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(9), 745-752.
- Hasibuan, R. A. S., Gbla, A., Salawe, M., Zaid, M., & Zhang, H. (2024). Zakat And Poverty Alleviation in Malaysia-A Systematic Review and Bibliometric Analysis. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 7(2 December), 31–54. <https://doi.org/10.53840/ijiefer167>
- Ismail, M., Shariff, S., & Hussin, H. (2021). Pemeriksaan Program Pembangunan Ekonomi Usahawan Asnaf Melalui Dana Zakat. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 3(2), 52–65. Diakses melalui <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/55689/1/55689.pdf>
- Johari, F., Aziz, M. R. A., & Ali, M. (2014). A Review of Literatures on Current Zakat Issues: An Analysis between 2003–2013. *International Review of Research in Emerging Markets and the Global Economy*, 1(1), 144–153.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Meerangani, K. A., & Zaham Azman, U. K. (2019). Keberkesanan Program Pembangunan Ekonomi Asnaf Oleh Lembaga Zakat Selangor. *e-Academia Journal*, 8(2), 14-24. Diakses melalui <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/87452/1/87452.pdf>
- Mohamad, S., & Muhamad Sori, Z. (2023). Governance Issues in Managing Zakat Funds: The Experience of Selected Zakat Management Institutions in Malaysia. *I-IECONS E-*

- Proceedings*, 10(1), 960–965. <https://doi.org/10.33102/iecons.v10i1.116>
- Mohd Hardi, N., Mansor, R., Hashim, N. & Abdul Karim, N. S. (2022). Keberkesanan Program Pembangunan Usahawan Asnaf Lembaga Zakat Negeri Kedah. *International Journal of Social Science Research*, 4(3), 58-69. Diakses melalui <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/19602>
- Rebman, C., Booker, Q., Wimmer, H., Levkoff, S., McMurtrey, M., & Powell, L., (2023). An Industry Survey of Analytics Spreadsheet Tools Adoption: Microsoft Excel vs Google Sheets. *Information Systems Education Journal*, 21(5), 29-42. Diakses melalui <https://isedj.org/2023-21/n5/ISEDJv21n5p29.html>
- Semczuk, N. (2020). Microsoft Excel vs Google Sheets. ISCAP Conference Proceedings. Diakses melalui <https://iscap.us/proceedings/2022/pdf/5786.pdf>
- Wahab, N. A., & Rahman, A. R. A. (2011). A Framework to Analyse the Efficiency and Governance of Zakat Institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(1), 43-62. <https://doi.org/10.1108/17590811111129508>
- Zulkifley, M., & Aishath Muneeza. (2024). Optimizing Zakat Distribution in Selangor Using Technology. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 7(2 December), 105–122. <https://doi.org/10.53840/ijiefer162>